

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

HELAIAN PENERANGAN PRODUK



(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in FirstLife Plan. Be sure to also read the general terms and conditions.)

(Sila baca Helaiian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Pelan FirstLife. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

FirstLife Plan / Pelan FirstLife

1. What is this plan about?

Apakah ciri-ciri pelan ini?

- * This is a group term family takaful plan which offers takaful protection up to the age of 50. It pays a lump sum benefit and any balance of the Participant's Account (PA) if the participant dies or suffers total and permanent disability (TPD) during the term of the certificate. Besides that, this plan also provides Accidental Death and Dismemberment (AD&D) Benefit, Critical Illness (CI) Accelerated Benefit (depending on the selected plan) and Funeral Expenses Benefit, subject to the terms and conditions of the certificate.

Ini adalah pelan takaful keluarga berkelompok yang menyediakan perlindungan takaful sehingga umur 50 tahun. Ia membayar jumlah manfaat sekaligus dan sebarang baki Akaun Peserta (AP) sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal dan menyeluruh dalam tempoh sijil. Selain itu, pelan ini juga memberi Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Anggota, Manfaat Dipercepatkan Penyakit Kritikal (bergantung kepada pelan yang dipilih) dan Manfaat Perbelanjaan Pengkebumian, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sijil.

- * At maturity or surrender of the certificate, any balance of the PA will be payable.

Apabila sijil matang atau diserahkan balik, sebarang baki AP akan dibayar.

- * Any investment profit arising from the PA will be distributed between the participant and the Company in the proportions of 80% to the participant and 20% to the Company.

Sebarang keuntungan pelaburan dari AP akan diagihkan kepada peserta dan Syarikat dalam kadaran 80% kepada peserta dan 20% kepada Syarikat.

- * Any surplus arising from the Risk Fund will be distributed between the participant and the Company in the proportion of 50% to the participant and 50% to the Company.

Sebarang lebihan dari Dana Risiko akan diagihkan kepada peserta dan Syarikat dalam kadaran 50% kepada peserta dan 50% kepada Syarikat.

2. What are the Shariah concepts applicable?

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- * This plan applies a Wakalah Contract.

Pelan ini menggunakan Perjanjian Wakalah.

- * Wakalah is a contract where the participant appoints the Company to carry out transactions on his/her behalf to invest and manage his/her Contribution in the PA and Risk Fund. As a return, the participant allows the Company to deduct certain amount as wakalah fee for the services rendered. The amount of wakalah fee is 20% of the contribution.

Wakalah adalah perjanjian di mana peserta melantik Syarikat untuk menjalankan transaksi bagi pihaknya untuk melabur dan mengurus carumannya di dalam AP dan Dana Risiko. Sebagai pulangan, peserta membenarkan Syarikat untuk melolak sejumlah amaun sebagai yuran wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan. Amaun yuran wakalah adalah 20% daripada caruman.

- * Tabarru' will be deducted from the PA and credit into the Risk Fund which will be used to help other participants in times of misfortune.

Tabarru' akan ditolak dari AP dan dimasukkan ke dalam Dana Risiko yang akan digunakan untuk membantu peserta-peserta lain ketika ditimpa musibah.

- * If the Risk Fund is in deficit, and after having exhausted all available avenues, an interest free loan from the Company on Qardh will be taken. The Qardh will be repaid when the Risk Fund returns to be profitable and before any surplus is distributed.

Jika Dana Risiko mengalami defisit, dan jika tiada cara lain, pinjaman tanpa faedah daripada Syarikat berdasarkan Qardh akan dibuat. Qardh akan dibayar balik apabila pulangan Dana Risiko mendapat keuntungan dan sebelum sebarang lebihan diagihkan.

3. What are the covers / benefits provided?

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Please refer to the Schedule of Benefits below:

Sila rujuk kepada Jadual Manfaat di bawah:

Schedule of Benefits / Jadual Manfaat (RM)						
Plan / Pelan	Death Benefit (All Causes) / Manfaat Kematian (Semua Akibat)	TPD Benefit (All Causes) / Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Semua Akibat)	AD&D Benefit / Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Anggota	Funeral Expense Benefit / Manfaat Perbelanjaan Pengkebumian	Critical Illness Accelerated Benefit / Manfaat Dipercepatkan Penyakit Kritikal	
Without CI Tanpa Penyakit Kritikal	A	40,000	40,000	40,000	1,000	N/A
	B	60,000	60,000	60,000	1,000	N/A
	C	80,000	80,000	80,000	1,000	N/A
	D	100,000	100,000	100,000	1,000	N/A
	E	120,000	120,000	120,000	1,000	N/A
	F	140,000	140,000	140,000	1,000	N/A
	G	160,000	160,000	160,000	1,000	N/A
	H	180,000	180,000	180,000	1,000	N/A
	I	200,000	200,000	200,000	1,000	N/A
With CI Dengan Penyakit Kritikal	J	40,000	40,000	40,000	1,000	6,000
	K	60,000	60,000	60,000	1,000	9,000
	L	80,000	80,000	80,000	1,000	12,000
	M	100,000	100,000	100,000	1,000	15,000
	N	120,000	120,000	120,000	1,000	18,000
	O	140,000	140,000	140,000	1,000	21,000
	P	160,000	160,000	160,000	1,000	24,000
	Q	180,000	180,000	180,000	1,000	27,000
R	200,000	200,000	200,000	1,000	30,000	

4. How much contribution do I have to pay?

Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Please refer to the entry age and the corresponding plan for the annual contribution.

Sila rujuk kepada umur kemasukan dan pelan yang berkenaan untuk caruman tahunan.

Plan / Pelan		Annual Contribution By Entry Age / Caruman Tahunan Berdasarkan Umur Kemasukan (RM)		Plan / Pelan		Annual Contribution By Entry Age / Caruman Tahunan Berdasarkan Umur Kemasukan (RM)	
		18-40	41-45			18-40	41-45
Without CI Tanpa Penyakit Kritikal	A	155	185	With CI Dengan Penyakit Kritikal	J	175	215
	B	230	280		K	265	325
	C	300	365		L	345	425
	D	375	455		M	430	530
	E	450	545		N	520	635
	F	525	635		O	605	740
	G	600	725		P	690	845
	H	675	815		Q	775	950
	I	750	905		R	865	1,055

- * This is a level contribution plan with annual contribution payable until age 50.
Ini adalah pelan caruman tetap dengan caruman tahunan dibayar sehingga umur 50 tahun.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

- * Wakalah fee which consist of the following:
Yuran wakalah adalah terdiri daripada berikut:
 - 10% administration fees / 10% yuran pentadbiran
 - 10% management expenses / 10% perbelanjaan pengurusan
- * Please refer to the entry age and the corresponding plan for the annual wakalah fee amount based on 20% wakalah fee.
Sila rujuk kepada umur kemasukan dan pelan yang berkenaan untuk amaun yuran wakalah tahunan berdasarkan 20% yuran wakalah.

Plan / Pelan		Annual Wakalah Fee Amount By Entry Age / Amaun Yuran Wakalah Tahunan Berdasarkan Umur Kemasukan (RM)		Plan / Pelan		Annual Wakalah Fee Amount By Entry Age / Amaun Yuran Wakalah Tahunan Berdasarkan Umur Kemasukan (RM)	
		18-40	41-45			18-40	41-45
Without CI Tanpa Penyakit Kritikal	A	31	37	With CI Dengan Penyakit Kritikal	J	35	43
	B	46	56		K	53	65
	C	60	73		L	69	85
	D	75	91		M	86	106
	E	90	109		N	104	127
	F	105	127		O	121	148
	G	120	145		P	138	169
	H	135	163		Q	155	190
	I	150	181		R	173	211

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya tahu?

- * Important of disclosure - You must disclose all material facts such as medical condition, occupation and state your age correctly.
Keperluan pemberitahuan - Anda mesti memberitahu semua fakta material seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- * Free-look period - You may cancel this plan by returning the certificate within 15 days after the certificate has been received by you. The contributions that you have paid (less any medical fee incurred) will be refunded to you.
Tempoh pemerhatian tanpa ikatan - Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memulangkan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Caruman yang anda telah bayar (ditolak dengan sebarang yuran perubatan yang telah dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- * Contribution amount and tabarru' charges are NOT GUARANTEED and the Company reserves the right to change the contribution or tabarru' based on the Company's underwriting experience.
Amaun caruman dan caj tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan Syarikat mempunyai hak untuk mengubah caruman atau tabarru' berdasarkan pengalaman pengunderaitan Syarikat.

Note / Nota :

This list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the terms and conditions under this plan.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi pelan ini.

7. What are the limitations and major exclusions under this plan?

Apakah had-had dan pengecualian utama bagi pelan ini?

- * Death / Kematian
 - * Suicide, while sane or insane, within first (1) year from the commencement date or reinstatement date of the certificate, whichever is later.
Membunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh permulaan atau tarikh berkuatkuasa semula sijil, yang mana terkemudian.
- * TPD / Keilatan Menyeluruh dan Kekal
 - * Attempted suicide or self-inflicted injury while sane or insane;
Cubaan membunuh diri atau kecederaan secara sengaja ketika waras atau tidak waras;
 - * The Participant breaking any law or any assault provoked by him;
Sebarang pelanggaran undang-undang oleh peserta atau serangan yang diprovokasi olehnya;
 - * Participation in training for any dangerous or hazardous sport or competition or riding or in any form of race or competition.
Penyertaan atau latihan untuk sebarang aktiviti sukan atau pertandingan yang bahaya atau berbahaya, atau menunggang atau memandu dalam sebarang jenis perlumbaan atau pertandingan.
- * Critical Illness / Penyakit Kritikal
 - * Pre-existing Illness;
Penyakit Sedia Ada;
 - * Any critical illness (other than Cancer, Coronary Artery Disease and Heart Attack) diagnosed within the Waiting Period of first thirty (30) days from the commencement date or reinstatement date of the certificate, whichever is the later. For Cancer, Coronary Artery Disease and Heart Attack, the Waiting Period is sixty (60) days.
Sebarang penyakit kritikal (selain dari Kanser, Penyakit Arteri Koronari dan Sakit Jantung) yang didiagnosis dalam Tempoh Tangguh tiga puluh (30) hari yang pertama dari tarikh permulaan atau tarikh berkuatkuasa semula sijil individu, yang mana terkemudian. Bagi Kanser, Penyakit Arteri Koronari dan Sakit Jantung, Tempoh Tangguh adalah enam puluh (60) hari.
- * AD&D / Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Anggota
 - * Disability caused by war or warlike operations;
Hilang Upaya yang disebabkan oleh peperangan atau operasi berunsur perang;
 - * The Participant breaking any law or any assault provoked by him;
Sebarang pelanggaran undang-undang oleh peserta atau serangan yang diprovokasi olehnya;
 - * Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions;
AIDS, jangkitan dari HIV atau keadaan yang berkaitan.

Note / Nota :

This list is non-exhaustive. Please refer to the takaful certificate for the full list of limitations and exclusions under this plan.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk had dan pengecualian yang lengkap bagi pelan ini.

8. Can I cancel my certificate?

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Yes, you may surrender/cancel the plan for its cash value. However, participating in a family takaful plan is a long-term financial commitment. The cash amount that the Company will pay you when you surrender/cancel the certificate before the maturity period may be much less than the total amount of contribution that you have paid.

Ya, anda boleh menyerahkan/membatalkan pelan ini untuk mendapatkan nilai tunai. Walaubagaimanapun, menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Amaun tunai yang akan dibayar oleh Syarikat apabila anda menyerahkan/membatalkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah amaun caruman yang telah dibayar.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang sepatutnya.

10. Where can I get further information?

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from the takaful agent or visit www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku panduan info insurans mengenai 'Takaful Keluarga' yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskah daripada ejen takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my.

If you have any queries, please contact us at:

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646 - K)

Head Office / Ibu Pejabat : 26th Floor, Annex Block, Dataran Kewangan Darul Takaful,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur

Telephone / Telefon : 603-2268 1984

Fax / Faks : 603-2274 0237

Website / Laman Sesawang : takaful-malaysia.com.my

Customer Service / Khidmat Pelanggan : 1-300 8 TAKAFUL (825 2385)

E-mail / E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Other similar types of family takaful cover available

Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan

Please ask the Company/takaful agent for other similar types of plans offered by the Company.

Sila ajukan pertanyaan kepada Syarikat/agen takaful untuk lain-lain jenis pelan yang serupa yang ditawarkan oleh Syarikat.

IMPORTANT NOTICE

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF PLAN THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH OUR TAKAFUL AGENT OR CONTACT THE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

NOTIS PENTING

MENYERTA PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG PALING SESUAI DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN KAMI ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Takaful Act 1984 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan dibawah Akta Takaful 1984 dan telah diselua oleh Bank Negara Malaysia.